

Melaka Hari Ini

Informasi Terkini Negeri Melaka



DR. Sabri (kiri) mengiringi Fairul Nizam ketika melancarkan 'SMART Hydrobike'. Foto Iqmal Haqim Rosman

EXCO

MELAKA

NASIONAL

TEKNOLOGI/INOVASI/IT

TERKINI

UTeM

'SMART Hydrobike' inisiatif UTeM kekal kebersihan Sungai Melaka

LIANA SAHABUDIN
ISNIN, 11 DISEMBER 2023 @ 18:00

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, Prof Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif berkata, produk hasil inovasi itu direka bagi memudahkan lagi kerja membersihkan sampah terapung di permukaan air.

Katanya, produk berkenaan adalah hasil rekaan pensyarah dan pelajar UTeM seberat 22 kilogram mengambil masa selama dua bulan untuk disiapkan sepenuhnya.

"Rangka utama 'SMART Hydrobike' diperbuat daripada aloy aluminium, dilengkapi pedal kayuhan dan didorong kipas juga daripada aloy aluminium dengan sistem kawalan arah tanpa ciri kemudi yang stabil serta mudah diselenggara.

"Bergantung kepada keperluan 'SMART Hydrobike' boleh dipasang dengan pelbagai sensor bagi mengambil bacaan suhu, kelembapan dan parameter selain peranti mengesan lokasi basikal," katanya ketika ditemui selepas Program SMART Hydrobike Melestarkan Sungai Melaka Bersama UTeM dan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) di Dataran Pengkalan Rama, di sini, hari ini.

Majlis itu dirasmikan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan.

Hadir sama Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi negeri, Datuk Noor Helmy Abdul Halem dan Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM, Datuk TPr. Murad Husin.

Mengulas lanjut, beliau berkata basikal air atau 'SMART Hydrobike' akan dikomersilkan menjadi produk inovasi pertama yang membantu Kerajaan Negeri membersihkan Sungai Melaka.

"UTeM mempunyai senarai produk baharu yang dihasilkan oleh penyelidik dan pelajar, kita akan pastikan semua produk ini menepati kehendak dan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri serta komuniti

"Jika banyak permintaan kita di UTeM akan tambah jumlah pengeluarannya," katanya.